KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	29/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	JKPTG			

Keluasan tanah rizab Melayu tak susut: MB

Iskandar Puteri: Keluasan tanah rizab Melayu di Johor kini menjangkau seluas 557,633 hektar atau 30 peratus daripada keluasan tanah negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad berkata, tidak berlaku penyusutan atau pengurangan tanah rizab Melayu malah keluasannya sentiasa bertambah disebabkan penyeliaan dan dasar yang dilakukan oleh kerajaan negeri selama ini.

Katanya, jika terdapat permohonan bagi pembatalan sesuatu tanah rizab Melayu, ia perlu ada tanah ganti yang mematuhi tiga syarat iaitu keluasan dan nilaian tanah gantian itu mesti sama atau lebih daripada tanah yang hendak dibatalkan.

"Tanah gantian itu juga hendaklah sesuai dan memenuhi material dan praktikal sebelum sesuatu permohonan untuk membatalkan status rizab Melayu ini boleh di pertimbangkan.

"Kerajaan Johor juga mengenakan syarat iaitu mana-mana tanah yang dikurniakan kepada orang Melayu hendaklah dijadikan sebagai tanah Rizab Melayu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung Belanjawan Johor 2022 pada Sidang Keempat Dun Johor Ke-14 di sini, semalam.

HM 29.11.2021_19